

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)38**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH  
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

38. Sejauh manakah kajian dan rancangan pelaksanaan mengezonkan tapak kerang dan sangkar di Pulau Pinang?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

38. Setakat hari ini masih belum ada perancangan untuk mengezonkan kawasan sangkar, kerana pihak Jabatan Perikanan masih belum menjumpai kawasan baru yang sesuai. Bagi kawasan sedia ada adalah tidak sesuai dizonkan kerana terdapat bantahan daripada nelayan tradisional kerana kawasan tersebut merupakan kawasan guna sama oleh mereka. Sekiranya ianya dizonkan akan menimbulkan konflik dan memberikan implikasi kepada nelayan yang semakin terhimpit kerana kawasan perairan Pulau Pinang adalah terhad untuk aktiviti nelayan. Selain itu, perubahan lokasi sangkar akan berlaku pada suatu tempoh tertentu apabila keadaan dasar laut perlu dipulihkan dan tidak lagi sesuai untuk aktiviti ternakan pada masa tersebut.

Bagi kawasan tapak kerang, pihak Jabatan Perikanan baru sahaja selesai melakukan kajian taburan dan kesesuaian untuk ternakan kerang pada awal Januari 2020. Walau bagaimanapun perbincangan lanjut antara Jabatan Perikanan dan pihak Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Negeri serta Pejabat Daerah dan Tanah yang terlibat masih belum dilakukan ekoran situasi politik yang melanda negara pada awal tahun ini dan penularan wabak COVID-19.